

'Terima kasih kerajaan'

Peruntukan mampu penuhi keperluan hospital

BANTING - Ahli Lembaga Pelawat (ALP) Hospital Banting menyambut baik peruntukan sebanyak RM1.4 bilion diberikan kepada tiga hospital termasuk Hospital Banting dalam Bajet 2018 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat lalu.

Setiausaha Ahli Lembaga Pelawat (ALP) Hospital Banting, Mohd Jefrizal Jaafar berkata, beliau percaya penduduk Kuala Langat turut gembira mendengar berita berkenaan.

Menurutnya, bajet yang diumumkan diharap dapat memenuhi keperluan hospital berkenaan seperti tenaga pakar dan peralatan lengkap dan canggih.

"Kita juga perlukan penambahan wad bagi menampung jumlah pesakit yang saban tahun semakin tinggi ekoran penambahan jumlah kepadatan penduduk Kuala Langat dan Sepang."

"Kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan persekutuan BN yang peka kepada masalah warga Kuala Langat dan Sepang."

"Perkara ini telah diperjuangkan oleh kepimpinan BN seawal tahun 2012 apabila timbalan menteri kesihatan waktu itu, Dato Rosnah Rashid Shirin bersetuju untuk peruntukkan RM46 juta kepada hospital ini dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10).

"Dan semenjak itu beberapa projek naik taraf telah dan sedang dilaksanakan sehingga kini," katanya.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai Bajet 2018 yang diumumkan untuk tiga hospital di negara ini.

Mohd Jefrizal berkata, keprihatinan kepimpinan Kuala Langat juga turut dihargai.

"Berikutan tindakan pantas mereka bawa isu dari Kementerian Kesihatan Malaysia ke pengetahuan timbalan menteri yang ba-



Hospital Banting antara tiga hospital yang bakal menikmati manfaat peruntukan RM1.4 bilion menerusi Bajet 2018.

INFO • Perlu peralatan canggih, penambahan wad bagi menampung jumlah pesakit

haru iaitu Dato Seri Dr Hilmi Yahya.

"Apa pun, objektif utama kami sebagai pemimpin kecil kawasan dan selaku ahli lembaga pelawat hospital mahu impian bagi mendirikan bangunan lapan tingkat untuk tempatkan wad-wad pesakit direalisasikan demi kesejahteraan dan kesejahteraan penduduk.

"Saya rasa, ini bukanlah permintaan yang melampau kerana mengambil kira usia hospital ini yang sudah menjangkau 40 tahun beroperasi tetapi masih dalam keadaan seperti tahun 90-an," katanya.

Sementara itu, seorang lagi ALP Hospital Banting, Asuma Beevi Mohamed Sali berkata, sebagai ALP yang selalu menerima komen dan meneliti segala kekurangan perkhidmatan dan kemudahan Hospital Banting, pengumuman bajet berkenaan adalah satu berita yang amat mengembirakan.

"Apabila kepadatan

penduduk bertambah dan semakin ramai yang berkunjung ke hospital ini untuk mendapatkan rawatan, Hospital Banting perlu berada di dalam keadaan yang paling optimum agar dapat berikan servis yang terbaik kepada semua pesakit.

"Besarnya harapan saya agar bajet penyelenggaraan ini dapat bantu mengatasi dan menambah baik segala kekurangan sedia ada di Hospital Banting.

"Ini secara tak langsung menaik taraf kualiti perkhidmatan hospital ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini.

Sebelum ini, Sinar Harian bersama pelbagai pihak termasuk kepimpinan ALP Hospital Banting dan kepimpinan kakitangan hospital sebelum ini telah beberapa kali memperjuangkan permintaan pesakit hospital yang mahukan pelbagai kemudahan dinaik taraf sehinggalah pengumuman bajet untuk tiga buah hospital diumumkan baru-baru ini.

Dalam padai, Pengarah Hospital Banting, Dr Sabrina Che Ab Rahman ketika dihubungi memberitahu bakal memberi maklum balas mengenai bajet yang diumumkan dalam masa terdekat.

Segera perbaharui lesen perniagaan

BANTING - Pemegang lesen perniagaan di bawah pendirian Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) disaran segera memperbaharui lesen perniagaan mulai 1 November hingga 31 Disember 2017.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, pemegang lesen perniagaan perlu berbuat demikian bagi memastikan tiada sebarang tindakan penagiatkuasaan dikenakan.

Menurutnya, denda sebanyak 20 peratus daripada jumlah bayaran lesen yang dibayarkan dikenakan terhadap pemilik lesen yang membuat bayaran pada 1 Januari 2018 hingga 28 Februari 2018.

"Peniaga yang tak perbaharui lesen perniagaan mulai 1 Mac 2018... secara automatik lesen mereka akan terbatal, justeru mereka perlu buat permohonan baru," katanya dalam satu kenyataan

media selepas Majlis Penuh MDKL, semalam.

Dalam hal yang berkaitan juga, Mohamad Zain memaklumkan bagi tahun 2017, terdapat 23 kafe siber saja yang dilesenkan. Manakala, pada tahun 2018 hanya 23 kafe siber sedia ada yang dibenarkan untuk memperbaharui lesen dan tiada lagi lesen baharu untuk premis berkenaan yang akan dikeluarkan atau diluluskan.



PROGRAM SEPARUH MASA KHUSUS UNTUK WARGA BEKERJA

Pusat Pembelajaran UMCCed:
 • Kuala Lumpur • Bayan Lepas
 • Alor Setar • Kuantan • Kulim
 • Kota Bharu • Kota Kinabalu

"Ikuti jejak lebih 21,000 warga bekerja yang telah berjaya membina kerjaya mereka melalui program ini"

DIPLOMA EKSEKUTIF

- PENGURUSAN (PENTADBIRAN & OPERASI) UFA*
- PENGURUSAN (SUMBER MANUSIA) UFB*
- PENGURUSAN (PERNIAGAAN) UFC*
- PENTADBIRAN PERAKAUNAN UFD*
- PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK UFE*
- KAUNSELING UFF*
- TEKNOLOGI MAKLUMAT UFG*
- PENGURUSAN TEKNOLOGI PEMBUATAN UFI*
- PERBANKAN & KEWANGAN ISLAM UFL*

MOHON SEKARANG!
AMBILAN JANUARI 2018
KINI DIBUKA

Kelebihan program:

- ✓ Pengiktirafan JPA dan Akreditasi MQA
- ✓ Kelas Hujung Minggu
- ✓ Pengiktirafan Pengalaman Kerja Terdahulu
- ✓ Pengurangan 1 Tahun Pengajian Berbanding Diploma Biasa
- ✓ Pembiayaan Pengajian Secara Ansuran/ KWSP/ PTPTN/ PSMB

HARI INFORMASI

Semua dijemput hadir untuk mendapatkan maklumat berkenaan program serta pembiayaan pengajian

9 DISEMBER 2017 (11.00 pagi)

Auditorium, Blok B, Institut Pengajian Sainsawah, UTM Lembah Pantai, KL

"Snap & WhatsApp"

Untuk maklumat lanjut, ambil gambar bahagian kanan dan kiri dan hantarlah melalui WhatsApp ke nombor telefon yang tertera di atas. Berhenti untuk mendaftar RM300

BALQIS (019-359 5952)
HAZIQ (019-265 0458)
SYIDA (019-265 1194)

Dapatkan maklumat melalui SMS:
 SMS: Sila taip: ContactMe UMCCed<jarak>NAMA <jarak> LOKASI<jarak>SH<jarak>KOD PROGRAM dan hantar ke 68886
 (Dialah 985 ringgit termasuk GST 600.30)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 22 DISEMBER 2017

Permohonan atas talian dibuka sekarang di <http://online.umcced.edu.my>

www.umcced.edu.my

Sertai komuniti